

MAHATHIR BERI PIMPINAN YANG DINAMIS

UM 27 NOV 1990

Saya amat yakin bahawa kejayaan atau kegagalan seseorang, bangsa atau negara bergantung kepada sistem nilai hidup yang mereka amalkan. Justeru itu, sama ada melalui tulisan, perbualan atau ucapan, saya berusaha menukar sistem nilai masyarakat Bumiputera, terutama orang Melayu, supaya mereka lebih berjaya dan mampu bersaing."

"Jika semua dasar dan program yang saya perkenalkan gagal, tetapi wujud satu perubahan progresif dalam sistem nilai orang Melayu serta rakyat Malaysia lain hingga mereka lebih mampu bersaing dan berdikari, saya menganggap diri saya sudah memberi sumbangan bermakna kepada negara" - Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Untuk menjadi seorang pemimpin popular agak senang tetapi mahu menjadi pemimpin dalam erti kata sebenarnya, iaitu memimpin, bukannya dipimpin, adalah satu perkara yang sukar. Hanya sejarah dan generasi akan datang dapat menilai sejauh mana keberkesanan visi dan kepimpinan sekarang.

Bagaimanapun, visi dan falsafah Perdana Menteri merangkap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk masa depan rakyat Malaysia, tidak sukar difahami jika tindak-tanduknya dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan arena antarabangsa, sejak menerajui pucuk pimpinan negara dan parti kira-kira sembilan tahun lalu, direnungi.

Sebaik sahaja memegang jawatan Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, langkah pertamanya ialah meningkatkan kecekapan jentera kerajaan. Untuk itu, slogan kepimpinan melalui teladan dan kad perakam waktu diperkenalkan. Dalam masa yang sama, waktu di Semenanjung Malaysia dan Sabah/Sarawak diseragamkan.

Sistem bekerja yang lebih berkesan diperkenalkan dan kakitangan awam digalak supaya lebih menghargai waktu. Setiap kakitangan awam juga diwajibkan memakai tanda nama dan langkah itu dimulakan sendiri oleh Perdana Menteri.

Memang dalam banyak segi, Datuk Seri Dr Mahathir berbeza dengan tiga Perdana Menteri sebelumnya. Beliau tidak datang daripada keluarga bangsawan serta bukan berkelulusan undang-undang seperti ketiga-tiga Perdana Menteri sebelum ini. Itulah sebabnya banyak tindakan beliau dianggap terlalu drastik dan sukar diterima pada peringkat permulaan.

Kerajaan pimpinannya juga mahu bekerjasama rapat dengan sektor swasta menerusi Konsep Persyarikatan Malaysia yang bermakna negara

perlu dianggap sebagai sebuah syarikat, manakala kerajaan dan sektor swasta adalah pemilik yang perlu bekerjasama.

Mengikut konsep ini, pengswastaan beberapa agensi awam yang besar diperkenalkan dan manamana agensi awam yang rugi ditutup. Dengan itu, setiap perbadanan kerajaan mula memberi perhatian utama dalam usaha meningkatkan pencapaian serta daya pengeluaran.

Pemegang Amanah

Sebagai langkah pertama ke arah ini, Perbadanan Nasional Berhad yang ditubuhkan pada Januari 1981 sebagai pemegang amanah yang mengendalikan saham Bumiputera dalam syarikat-syarikat besar yang sebelum itu dikuasai oleh pelabur asing.

Pergantungan Malaysia yang terlalu tinggi kepada Barat, khususnya Britain juga diubah sewaktu Datuk Seri Dr Mahathir mula memegang teraju pemerintahan. Melalui Dasar Pandang Ke Timur, rakyat digalakkan supaya mengubah angapan tradisi mereka bahawa negara-negara Barat menjadi contoh terbaik kepada kejayaan ekonomi yang dicapai oleh Korea dan Jepun.

Selain itu, pengertian Islam, yang walaupun sudah menjadi agama rasmi negara, turut ditingkatkan dalam erti kata lebih luas melalui konsep Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan. Kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir mahu Islam tidak hanya diamalkan sebagai ibadat seharian tetapi sebagai cara hidup untuk kehidupan yang lebih baik.

Cetusan daripada konsep itu, penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa menjadi kenyataan, manakala sistem pendidikan negara turut memberikan ruang yang lebih ke arah melahirkan insan sempurna. Dalam masa yang sama, beberapa tokoh yang berlatarbelakangkan keagamaan diberikan tempat, sama ada dalam kerajaan atau agensi swasta.

Bagaimanapun, kejayaan terbesar Datuk Seri Dr Mahathir ialah mengubah Malaysia kepada sebuah negara perindustrian. Antara langkah pertama Perdana Menteri di bidang industri berat ialah penubuhan Hicom bagi mengeluarkan kereta nasional Proton Saga.

Walaupun pada awalnya, projek ini mendapat kecaman hebat termasuk dari dalam kerajaan, Datuk Seri Dr Mahathir sekali lagi terbukti sebagai seorang pemimpin yang mempunyai visi. Sekarang, selepas lima tahun Proton Saga diperkenalkan, ia bukan sahaja menjadi kereta paling laris di negara ini, malah memenangi beberapa anugerah sebagai kereta terbaik di Eropah.

Kelembapan ekonomi pada pertengahan 1980-an memberi cabaran besar kepada kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir. Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan membuat beberapa perubahan besar ke atas dasar yang membabitkan pelaburan asing, perbelanjaan kerajaan dan pengambilan kakitangan awam.

Berkat langkah berjimat-cermat itu, beban

Kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir mahu Islam tidak hanya diamalkan sebagai ibadat seharian tetapi sebagai cara hidup untuk kehidupan yang lebih baik.

kelembapan kurang terasa terutama oleh rakyat berpendapatan rendah, manakala kadar inflasi dapat dibendung. Sekarang, eksport negara semakin meningkat dan kadar pertumbuhan naik daripada 5 peratus pada 1987 kepada 8.7 peratus pada 1988.

Seperti yang selalu disebutkan oleh Perdana Menteri, kemerdekaan tidak memberi makna selagi negara tidak dihormati oleh negara-negara lain. Kerana itu, sejak beliau memimpin kerajaan, peranan Malaysia di peringkat antarabangsa semakin menonjol.

Datuk Seri Dr Mahathir bukan sahaja mampu menonjolkan imej Malaysia di peta dunia, malah kritikkannya yang lantang terhadap ketidakadilan negara-negara maju dalam beberapa ucapan di Bangsa-Bangsa Bersatu dan forum antarabangsa lain, menyebabkan beliau dianggap salah seorang pemimpin dunia ketiga.

Banyak kejayaan yang dicapai Malaysia dalam arena antarabangsa sejak Datuk Seri Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Antaranya ialah kejayaan Malaysia menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, pemilihan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Presiden Unesco, Kuala Lumpur menjadi tuan rumah Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel dan Kumpulan 15.

Perhatian Dunia

Pendirian negara berhubung isu dadah dan Antartika juga, mula mendapat perhatian dunia.

Sesuai dengan pengiktirafan antarabangsa ke atas Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir sering diundang ke forum antarabangsa atau upacara negara lain seperti di Amerika Latin dan perhimpunan meraikan pembebasan pejuang kebangsaan Afrika Selatan Nelson Mandela di Lusaka.

Dalam masa yang sama, sokongan Malaysia sentiasa diperlukan terutama oleh negara dunia ketiga. Selain Nelson Mandela yang mengunjungi negara baru-baru ini. Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin, Yasser Arafat ialah antara pemimpin dunia yang mempunyai hubungan rapat dengan Datuk Seri Dr Mahathir.

Menyedari beliau tidak mungkin sempat melihat semua visi dan harapannya untuk rakyat dan

negara ini pada masa akan datang, Datuk Seri Dr Mahathir mempersiapkan barisan pemimpin pelapis terdiri daripada tokoh-tokoh muda yang bukan sahaja kaya dengan idealisme, malah sudah membuktikan bakat kepimpinan mereka.

Pemimpin Pelapis

Sekadar menyebut beberapa nama, tokoh-tokoh seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin dan Syed Hamid Albar, dianggap antara pemimpin pelapis yang bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang.

Di tangan merekalah, kesinambungan visi dan falsafah Datuk Seri Dr Mahathir akan diper-tanggungjawabkan.

Tetapi di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, pemimpin-pemimpin dalam MT UMNO khususnya, bagi jawatan Naib Presiden selaku pemimpin-pemimpin pelapis, harus memiliki beberapa kualiti ketokohan yang teruji. Ini adalah kerana visi dan dasar yang telah dan sedang dimajukan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Di bawah pucuk pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir, Malaysia sudah meningkat sebagai negara pengeluar barang-barang buatan yang sanggup bersaing di pasaran antarabangsa. Malah di arena antarabangsa sama ada dari segi ekonomi mahupun politik, Malaysia sedang menempa nama yang cemerlang.

Di samping itu, Datuk Seri Dr. Mahathir telah menanamkan sikap kecemerlangan dalam semua bidang. Yang penting sekali ialah semangat patriotik yang meninggikan kemegahan serta maruah bangsa dan negara.

Bagi bangsa Melayu, khususnya, Datuk Seri Dr. Mahathir mahu melahirkan satu masyarakat yang cemerlang, dihormati, amanah dan bermaruah. Dengan lain perkataan, misi Dr. Mahathir dalam dekad mendatang ialah untuk mewujudkan satu bangsa Melayu baru! Kepada calon-calon Naib Presiden, kualiti dan ketokohan tambahan ini adalah amat perlu untuk mendokong dan memastikan bahawa misi Datuk Seri Dr. Mahathir ini akan pasti berjaya. 